

12 MAY 1999

KERAJAAN-KONTRAK

KERAJAAN M'SIA SERAH KONTRAK BERNILAI RM35 JUTA KPD KONSORTIUM SAPURA

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Kerajaan Malaysia hari ini menyerahkan kontrak bernilai RM35 juta kepada sebuah konsortium yang diterajui oleh Sapura bagi pembangunan dan pelaksanaan fasa percubaan Persekitaran Pejabat Generik (GEO) di bawah aplikasi perdana Kerajaan Elektronik.

Anggota konsortium itu terdiri daripada Sapura Advance Systems Sdn Bhd, Microsoft Knowledge Capital Centre Sdn Bhd, Hewlett Packard Sales (Malaysia) Sdn Bhd dan EDS MSC Sdn Bhd.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyaksikan majlis permeteraian kontrak antara kerajaan Malaysia, yang diwakili oleh Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali, dengan Datuk Shahril Shamsuddin, ketua pegawai eksekutif (CEO) Sapura Group, yang mewakili konsortium itu.

Halim kemudiannya memberitahu pemberita bahawa ia adalah kontrak ketiga yang diberikan oleh kerajaan di bawah aplikasi perdana kerajaan elektronik di mana kontrak terdahulu adalah bagi sistem maklumat pengurusan sumber manusia yang bernilai RM99 juta dan sistem pengawasan projek yang bernilai RM50 juta.

Dua kontrak lain yang masih dalam rundingan adalah bagi kiosk elektronik dan pemerolehan elektronik.

Kesemua aplikasi itu dijangka siap pada tahun depan, katanya sambil menambah malahan sesetengah daripadanya akan siap lebih awal daripada yang dijadualkan.

"Kami kemudiannya akan menilai mereka. Jika mereka berjaya, kami akan menggerakkan mereka ke jabatan lain," katanya.

Sementara itu, GOE akan menyediakan persekitaran pejabat tanpa kertas bersepadu sepenuhnya bagi Pejabat Perdana Menteri dengan menempatkan teknologi maklumat multimedia.

Pembangunan perisian akan mengambil masa 11 bulan dan fasa percubaan akan merangkumi enam agensi di dalam Pejabat Perdana Menteri.

Tiga modul utama yang akan dibina dalam fasa ini adalah sistem pengurusan maklumat enterpris (EIMS), sistem pengurusan komunikasi enterpris (ECOMS) dan sistem pengurusan kerjasama enterpris (ECOLLMS).

EIMS akan menyediakan alat penyambung bagi pengguna untuk mengurus, mencari, memperolehi semula dan mengubah maklumat yang diperlukan dalam operasi seharian manakala ECOMS dan ECOLLMS bersepadu akan membolehkan pengguna berkomunikasi dan bekerjasama dengan lebih baik bagi memastikan satu aliran kerja yang lebih efektif.

Kedua-duanya juga membabitkan komunikasi dan kerjasama di kalangan kumpulan kerja menerusi sistem permesejan, mesyuarat elektronik, lembaga buletin, pengurusan mesyuarat, mengesan keputusan dan forum perbincangan.

Halim berkata pelaksanaan GOE juga akan menyaksikan penubuhan makmal kerajaan elektronik (makmal E-G ) yang akan bertindak sebagai kemudahan umum bagi konsortium itu dan pihak-pihak berminat lain termasuk perusahaan kecil dan sederhana (SME), untuk menguji produk baru dan integrasi aplikasi. -- BERNAMA

SHO ZK OS